

02 AUG 1999

Mokhtar-Pelancongan

TERENGGANU INGIN TARIK PELABUR SWASTA MAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN

KUALA TERENGGANU, 2 Julai (Bernama) -- Terengganu yakin mampu menarik lebih ramai pelancong selain pembabitkan lebih banyak sektor swasta dalam industri pelancongan di negeri ini apabila lebuh raya Pantai Timur dan lapangan terbang yang baru siap kelak.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata walaupun kerajaan negeri sentiasa menjalankan pelbagai promosi menarik pelancong ke Terengganu, usaha itu setakat ini belum menunjukkan kesan yang menggalakkan, terutama di bandar Kuala Terengganu.

"Bagaimanapun saya yakin dengan siapnya lebuh raya Pantai Timur dan pembesaran lapangan terbang kelak akan dapat menjadikan Kuala Terengganu sebagai pusat pelancongan," katanya pada persidangan berita di Pulau Kapas dekat sini selepas merasmikan Jeti Syahbandar Kuala Terengganu dan melancarkan Feri Hubungan 1.

Jeti pelancongan berharga RM1.7 juta dan siap pada September 1996 itu dibina untuk bot-bot pelancong berlesen yang membawa pelancong ke pulau-pulau peranginan seperti Pulau Redang, Perhentian dan Kapas selain untuk bot-bot persiaran sungai.

Wan Mokhtar berkata pembinaan lebuh raya yang menyambungkan Karak dan Kuala Terengganu itu juga diharap dapat menarik lebih banyak syarikat swasta melabur dalam industri pelancongan di Terengganu.

"Setakat ini swasta hanya mengambil sikap tunggu dan lihat... bila kerajaan negeri memulakannya (sesuatu projek) baru mereka masuk. Keadaan itu tidak berlaku di negeri-negeri lain iaitu swasta yang mulakan dulu," katanya.

Wan Mokhtar berkata keadaan itu menyebabkan kerajaan negeri terpaksa meningkatkan usaha memajukan industri pelancongan di Terengganu bagi menarik lebih ramai pelabur swasta.

Sebagai contoh, kita akan mula dengan mempromosikan bandar Kuala Terengganu yang melalui banyak tempat bersejarah bagi menarik pelancong yang kini lebih berminat mengunjungi pulau-pulau peranginan, katanya.

"Keadaan itu berlaku disebabkan tiadanya promosi dan persediaan atau perancangan yang baik," katanya.

Wan Mokhtar berkata perkhidmatan Feri Hubungan 1 yang menghubungkan Kuala Terengganu dan Pulau Redang di Jeti Syahbandar di sini yang dilancarkan hari ini merupakan langkah awal mempromosikan bandar Kuala Terengganu.

Tambang perjalanan dua hala antara kedua-dua destinasi itu ialah RM70 bagi orang dewasa dan RM35 bagi kanak-kanak berumur tiga hingga 12 tahun, manakala tambang perjalanan sehala pula ialah RM40 (dewasa) dan RM20 (kanak-kanak).

Feri berlepas pada pukul 9.30 pagi setiap hari dari Kuala Terengganu ke Pulau Redang dan berlepas balik dari Pulau Redang pada pukul 11 pagi. Perjalanan mengambil masa kira-kira satu jam.

Tempahan boleh dibuat di Hubungan Travel & Tours Sdn Bhd di Terminal Feri Kuala Terengganu, Jalan Sultan Zainal Abidin, 20000 Kuala Terengganu, Terengganu atau melalui telefon 09-6263501 atau faksimili 09-6263502.

Perkhidmatan feri yang diuruskan oleh Hubungan Travel & Travel Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Hubungan Raya Terengganu Sdn Bhd itu boleh memuatkan 95 penumpang.

Feri bernilai RM1.7 juta itu yang mempunyai empat kabin dilengkapi penghawa dingin, tv/video dan radio.

-- BERNAMA
SN LAT

<<END>>>

02 AUG 1999

Mahathir - Umno

UMNO PERLU KUAT BAGI PERTAHAN MARUAH BANGSA

IPOH, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno perlu sentiasa kuat, bukan sahaja untuk mengelak Malaysia dijajah semula, tetapi bagi mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Katanya peranan anggota Umno bukan ringan, boleh diabaikan dan dipandang enteng, kerana setiap daripada mereka mempunyai tanggungjawab besar terhadap bangsa, agama dan negara dan "inilah perjuangan Umno".

"Perjuangan kita adalah satu perjuangan yang serius untuk tentukan bangsa kita bukan sahaja tidak akan dijajah tetapi menjadi bangsa yang maju, malah boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa negara-negara maju di dunia," katanya pada majlis perjumpaan bersama pemimpin bahagian, Wanita dan Pemuda Umno Perak di sini hari ini. Beliau tiba pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Perak.

Beliau berkata untuk itu Umno tidak boleh benarkan perkara titik bengik dan kecil memecah-belahkan perpaduan anggotanya.

"Jika kita pecah, kita akan kehilangan kuasa dan akan dijajah semula," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

Untuk itu, bagi memastikan Barisan Nasional dan Umno terus memerintah, semua anggota parti perlu sentiasa berusaha menyakinkan rakyat untuk terus menyokong kerajaan yang ada sekarang tanpa perlu menunggu pilihan raya diadakan.

"Tetapi untuk tentukan sokongan, kita tidak boleh hanya berkata sokonglah Umno, sokonglah Umno, sokonglah Umno...mesti faham asas-asas perjuangan parti supaya dapat yakinkan rakyat akan perlunya menyokong Umno," katanya

Beliau berkata Umno tidak mungkin boleh menang dengan hanya undi anggotanya sahaja, dan tidak boleh terlalu yakin kesemua ahlinya akan menyokong Umno dan BN dalam pilihan raya.

Untuk itu, Umno mesti menentukan setiap anggota Umno didekati oleh pemimpin baik dari peringkat cawangan, bahagian dan tertinggi, katanya.

"Pemimpin peringkat bahagian perlu menyusun langkah dan strategi menentukan kesemua ahli Umno ditemui, dan senarai nama ahli di peringkat bahagian diadakan dan setiap seorang mereka ditemui," katanya.

Beliau berkata walaupun mungkin ada syak wasangka yang anggota-anggota ini tidak menyokong parti, mereka perlu ditemui untuk mengetahui kenapa tidak menyokong BN dan memilih parti-parti pembangkang.

"Pemimpin parti mesti berjumpa dan menjelaskan kepada mereka sebab mereka harus sokong parti ini kerana hanya Umno sahaja yang boleh menjamin kemerdekaan negara," katanya.